

NO. SOALAN : 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]

TARIKH : 17 MAC 2016 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta PERDANA MENTERI menyatakan status dan kemajuan Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat Greater Kuala Lumpur/Klang Valley dan sebab-sebab kemerosotan dalam pengangkutan awam.

JAWAPAN : YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) sebenarnya menunjukkan bahawa penggunaan pengangkutan awam di kawasan *Greater Kuala Lumpur / Klang Valley* telah meningkat kepada 19.6% pada tahun 2015 berbanding 18.1% pada tahun sebelumnya.

2. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan selaras dengan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat bagi Greater Kuala Lumpur/Klang Valley yang telah dibangunkan. Antara status dan kemajuan inisiatif-inisiatif tersebut adalah:

- (i) Sambungan jajaran *Light Rail Transit* (LRT) dari Kelana Jaya ke Putra Heights – Kelana Jaya
 - Sambungan jajaran ini adalah sejauh 17.4km dan akan melibatkan penambahan 13 stesen. Ia dijangka siap pembinaan pada Jun 2016.

- (ii) Sambungan jajaran LRT dari Sri Petaling ke Putra Heights – Ampang
 - Sambungan jajaran ini adalah sejauh 17.7 km dan juga akan melibatkan penambahan 13 stesen;
 - Fasa 1 (dari Awan Besar ke Kinrara BK 5) telah mula beroperasi 31 Oktober 2015; dan

- Fasa 2 (dari Kinrara BK 5 ke Putra Heights) dijangka siap pada hujung bulan Mac 2016.
- (iii) *'Mass Rapid Transit'* (MRT) Laluan dari Sungai Buloh ke Kajang
- Jaringan ini adalah sejauh 51 km dan akan mempunyai 31 stesen;
 - Fasa 1 dari Sungai Buloh ke Semantan disasar untuk siap pembinaan pada hujung tahun 2016; dan
 - Fasa 2 dari Semantan ke Kajang disasar untuk siap pembinaan pada Julai 2017.
- (iv) *'Bus Rapid Transit'* (BRT) Sunway
- Jaringan ini adalah sejauh 5.4 km dan mempunyai 7 stesen;
 - telah mula beroperasi sejak Jun 2015.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI] (BN)**

TARIKH : 17 MAC 2016, KHAMIS

SOALAN : 36

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah insentif atau bantuan lain yang boleh diberikan dari segi pendidikan perniagaan memandangkan Bank MARA yang bakal ditubuhkan dikatakan boleh membantu usahawan MARA dengan penyediaan dana dan pinjaman untuk memajukan serta mengembangkan perniagaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, selain daripada penyediaan dana dan pembiayaan perniagaan, program-program keusahawanan MARA juga memberi penekanan kepada penerapan dan pembentukan sifat keusahawanan bermula dalam sistem pendidikan MARA sendiri. Golongan belia yang berminat menceburi bidang keusahawanan MARA adalah menjadi sasaran utama MARA bagi membentuk usahawan-usahawan Bumiputera yang berjaya terutamanya pelajar dan lepasan daripada Institut Pengajian MARA (IPMa), IPTA, IPTS dan bakal usahawan.

Terdapat empat (4) program utama yang dijalankan oleh MARA seperti berikut:

**i. Program Latihan Bersepadu Keusahawanan/
MARA Entrepreneurial Intergrated Training
(MERIT).**

Program MERIT memfokuskan kepada tiga (3) kategori usahawan di bawah program latihan Keusahawanan *Pioneer, Progressive* dan *Premier*.

Program ini memberi latihan asas keusahawanan untuk usahawan baharu memulakan perniagaan, membantu usahawan mengembangkan akses pasaran perniagaan dan memfokuskan kepada usahawan yang berpotensi bagi meningkatkan tahap pengetahuan, kecekapan dari segi pengurusan supaya perniagaan mereka lebih berdaya maju dan berdaya saing.

ii. Program Peningkatan dan Pembangunan Standard Perniagaan/ *Business Advancement And Standards Development (BASE)*

Program BASE adalah merupakan program pengukuhan dan peningkatan usahawan Bumiputera ke arah mempertingkatkan tahap pengetahuan, kemahiran serta keupayaan pengurusan serta membantu usahawan/syarikat Bumiputera menembusi pasaran yang lebih luas melalui bimbingan, khidmat nasihat, bantuan dan galakan.

iii. Program Pembangunan Usahawan Teknologi Lanjutan/ *Advanced Technology Entrepreneur Development Program (ADAPT)*

Memfokuskan kepada Teknologi Lanjutan (Advanced Technology), program ADAPT menyediakan geran untuk Kajian, Pembangunan & Inovasi (RD&I), Inkubator dan Pengeluaran dan Pengkomersialan produk kepada usahawan yang berpotensi tinggi.

iv. Program Pembangunan dan Peningkatan Produk Usahawan Bumiputera/ *Entrepreneur Product Advancement And Development Program (EXPAND)*

Program EXPAND dilaksanakan untuk membantu usahawan memperluaskan akses pasaran melalui geran seperti kajian produk dan pasaran, geran pembungkusan dan pelabelan dan geran pengiklanan produk.